



25 Januari 2018  
25 January 2018  
P.U. (A) 12

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2018

### *ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (FEDERAL ROADS) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

### PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2018

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 10/2018 yang disiarkan pada 11 Januari 2018, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2018.**
  
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 25 Januari 2018.

#### **Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
<i>Larangan Terpakai</i>		
Sebahagian Laluan 55, Jalan Kenderaan dari Kuala Lumpur ke Kuala Kubu Baru dan sebaliknya	Kuala Kubu Baru-Gap bermula dari seksyen 2.1 hingga seksyen 2.2 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	25 Januari 2018 hingga 14 Ogos 2018
	hendaklah menggunakan jalan lencongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	